

Syarahan Akademik Antarabangsa: Professor Dr. Ali Hussain Reshak



Universiti Malaysia Perlis sekali lagi menganjurkan Syarahan Akademik Antarabangsa. Syarahan ini dianjurkan oleh Unit Pembangunan Lestari, Jabatan Canselor dengan kerjasama dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa. Syarahan ini telah diadakan pada 18 Mac 2011 bertempat di Dewan Keikhlasan.

Syarahan kali ini disampaikan oleh Profesor Dr. Ali Hussain Reshak, dari South Bohemia University, Republik Czech. Beliau juga merupakan, Head of Laser, Spectroscopy and Computational Workgroup-Condensed Matter Physics Laboratory, Institute of Physical Biology, South Bohemia University.

Syarahan yang bertajuk 'How To Get In High Impact Journal' ini telah berjaya menarik lebih 100 penyertaan yang terdiri daripada staf akademik, penyelidik dan pelajar pascaijazah UniMAP. Syarahan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin.

Naib Canselor dalam ucapan perasmianya, mahu setiap staf akademik UniMAP berusaha untuk menerbitkan seberapa banyak jurnal yang diiktiraf dalam pangkalan data Scopus. Ini secara tidak langsung dapat mengiktiraf keupayaan UniMAP di arena antarabangsa sesuai dengan pelan strategik ke arah keterlihatan antarabangsa yang menyerlah.

Profesor Dr. Ali dalam syarahan turut berkongsi idea, pengetahuan dan pengalamannya mengenai bagaimana untuk menerbitkan jurnal dan penulisan yang mempunyai nilai dan impak yang tinggi terutamanya dalam pangkalan data Scopus.

Melalui syarahan ini, diharap segala idea, pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang ada pada penceramah dari South Bohemia University ini dapat dikongsi bersama oleh seluruh staf akademik UniMAP bagi memperbanyakkan lagi penerbitan berkualiti di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Sumber : Unit Pembangunan Lestari